



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
29 JULAI 2017 (SABTU)

AKHBAR	MUKA SURAT
Sinar Harian	
- Bukan peruntukan Marris	39
- Perbendaharaan negeri –PBT perlu bekerjasama : MB	38
- MPAJ siasat isu dewan orang ramai jadi stor	42
The Star	
- MPAJ: Unauthorised rubbish skips a health hazard	04
Harian Metro	
- AKU GAGAH JUA!	04



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 29 JULAI 2017 (SABTU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Bukan peruntukan Marris
Muka Surat	39

Bukan peruntukan Marris

Kerja baik pulih kerosakan bangunan, dewan gunakan peruntukan kerajaan negeri

NOR AZIHAN MD GHAZALI

KLANG - Kerja-kerja membaikpulih kerosakan bangunan dan kerja berkaitan di dewan orang ramai JKKK Kampung Kuantan menggunakan peruntukan kerajaan negeri dan bukannya peruntukan Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (Marris) sepertimana yang didakwa pihak tertentu.

Menyerusi kenyataan Pejabat Daerah dan Tanah Klang (PDTK), pelaksanaan kedua-dua projek tersebut dibiayai kerajaan negeri melalui peruntukan Pembangunan Luar Bandar bagi Kemudahan Awam/Asas Desa, Fasa 1 tahun 2017.

"Pembiayaan projek itu tidak ada kaitan dengan penggunaan peruntukan penyelenggaraan jalan-jalan negeri oleh kerajaan persekutuan di bawah Marris.

"Kedua-dua projek berkenaan diiklankan pada 16 Mac lalu

INFO • Pelaksanaan kedua-dua projek tersebut dibiayai kerajaan negeri

dan pada papan iklan tersebut tertera nama projek, syarat-syarat pengelasan kontraktor dan tarikh tutup pada 24 Mac," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, isu ini timbul disebabkan kesilapan tajuk pada papan tanda yang dipasang oleh kontraktor yang bertanggungjawab terhadap projek berkenaan.

"Perkara ini dikesan lebih awal oleh pegawai PDTK dan teguran diberikan kepada kontraktor agar membuat pembetulan ke atas papan tanda yang dipasang.

"Namun kelewatan mengambil tindakan oleh pihak kontraktor menyebabkan berlaku kekeliruan di kalangan orang ramai," katanya.

Berikutan itu, katanya, PDTK su-

Dana Marris bukan untuk dewan

BN Parlimen Shah Alam minta kerajaan negeri beri penjelasan berikutan peruntukan didakwa disalah guna

MARA INDAH

SHAH ALAM - Kerajaan negeri akan wakti rakyat telah Marris hanya digunakan untuk jalan, bukan dewan," katanya.

Tegasnya, amat tidak masuk akal jika dewan diorang adalah diwujudkan berdasarkan peruntukan kerajaan negeri.

"Jangan ia tak masuk akal kerana dua projek, dua kontraktor dan lokasi berbeza tapi kedua-dua projek itu sama," katanya.

"Saya dan penduduk di sini ingin memperjelaskan kepada Marris tak digunakan untuk jalan, pada iklan di bawah ini," katanya.

itu akan membuat laporan ke Suruhanjaya Persekitaran dan Alam Sekitar (SPWA) dan berhubung perkara tersebut.

"Marris adalah untuk projek pembangunan di kawasan tertentu seperti projek pembangunan di kawasan tertentu," katanya.

Beliau berkata, dewan peruntukan Marris digunakan untuk tujuan lain sama baik pada dewan menjadi tarikan di kawasan ini dan tidak lama selepas itu, papan tanda di Dewan dan Balai BN Kampung Kuantan memulau di Dewan dan Balai Kuantan.



Laporan *Sinar Harian* 25 Julai lalu mengenai isu dana Marris.

dah memberi amaran kepada kontraktor terbahit supaya kesilapan sedemikian tidak lagi berulang pada masa hadapan.

Sebelum ini *Sinar Harian* menyiarkan laporan mengenai desakan meminta kerajaan negeri memberi penjelasan mengenai dakwaan salah guna peruntukan Marris yang di-

sediakan kerajaan persekutuan bagi membina dua dewan di Kampung Padang Jawa dan Kampung Kuantan.

Pengerusi BN Parlimen Shah Alam, Datuk Azhari Shaari berkata, seharusnya dana tersebut digunakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan, bukan tujuan lain.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 29 JULAI 2017 (SABTU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Perbendaharaan negeri –PBT perlu bekerjasama : MB
Muka Surat	38

Perbendaharaan negeri-PBT perlu bekerjasama: MB *SH 29/7/17* *MS 38*

SHAH ALAM - Perbendaharaan negeri diminta bekerjasama dengan 12 PBT di Selangor bagi melancarkan proses tuntutan GST yang dianggarkan melebihi RM36 juta.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia berikutan beberapa dokumen perlu dilengkapi berdasarkan penjelasan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri T Subromaniam.

“Kalau melihat kepada penjelasan ketua pengarah kastam, terdapat beberapa dokumen perlu dibekalkan...”

“Saya dah minta supaya perbendaharaan negeri untuk ‘coordinate’ dengan semua PBT bagi memastikan tuntutan itu menepati proses yang ditetapkan. Namun perkara ini sedang dalam proses,” katanya selepas merasmikan Majlis Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Yayasan Selangor 2016, di sini, semalam.

Terdahulu, Subromaniam dilaporkan berkata, tuntutan GST yang dibuat oleh 12 PBT di Selangor tidak dapat dilaksanakan kerana didapati mengemukakan penyata meragukan.

Beliau berkata kastam bertindak menahan tuntutan itu selepas mendapati 12 PBT berkenaan gagal mengakaunkan GST sepenuhnya untuk pembekalan bercukai, selain didapati membuat tuntutan bagi item tidak layak dituntut seperti tuntutan ke atas kenderaan penumpang untuk kegunaan PBT yang dikategorikan sebagai ‘block input tax’.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 29 JULAI 2017 (SABTU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	MPAJ siasat isu dewan orang ramai jadi stor
Muka Surat	42

29/7/17 ms 42.

MPAJ siasat isu dewan orang ramai jadi stor

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan mengambil tindakan pengosongan serta mentadbir sendiri dewan orang ramai Taman Putra, sekiranya mereka mendapati dewan itu disalahgunakan untuk tujuan komersial.

Yang Dipertua MPAJ Abd Hamid Hussain berkata, pihaknya telah mendapat maklumat daripada pihak tertentu berhubung isu yang dibangkitkan penduduk berhubung dakwaan dewan itu dijadikan stor peralatan khemah.

"Pihak kita tidak tahu siapa yang gunakan dewan itu sebenarnya, tapi sekarang



ABD HAMID

kita sedang jalankan siasatan," katanya.

Menurutnya, pihaknya juga telah turun ke lokasi untuk melakukan pemeriksaan pada malam kelmarin.

"Kita dapati ada sebuah lori di kawasan itu, hasil pemeriksaan di dalam dewan itu pula...ada beberapa peralatan khemah. Kita percaya pemiliknya hanya menumpangkan barang tersebut di dalam dewan, bagaimanapun tindakan itu tidak dibenarkan.

"Dewan ini seharusnya jadi dewan untuk kegunaan awam bukan untuk kepentingan pihak tertentu," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 29 JULAI 2017 (SABTU)	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	MPAJ: Unauthorised rubbish skips a health hazard
Muka Surat	04

MPAJ: Unauthorised rubbish skips a health hazard

TS 29/7/17
Ns 04

IRRESPONSIBLE hawkers are creating their own rubbish skips along a main road in Ampang Jaya.

A large skip along Jalan AUSD is one of many the Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) has to deal with.

"A number of traders are placing their own rubbish skips in unsuitable locations, including along main roads," said MPAJ president Abdul Hamid Abdul Hussain in the MPAJ full board meeting yesterday.

"If traders have issues with the location of existing waste bins, we will change them to a more appropriate location.

"Usually, these large skips are found in commercial areas or near condominiums, and residents are not happy when this happens as there will be a stench among other issues."

Abdul Hamid said the council wanted traders to use individual covered two-wheel bins as they

are a better option when contractors are not able to remove rubbish on time.

"Since the bins are covered, animals cannot get to the rubbish and it does not emit any stench."

Abdul Hamid also addressed the issue of a building being constructed beside the Taman Putra community hall.

"The building was being built illegally without the council's approval, so we demolished it.

"We also received information that the existing hall was being used by an unknown party," he said, adding that they found a truck in the vicinity.

"If it is being misused for commercial purposes, MPAJ will take action against the parties responsible, remove any items and ensure the hall is returned for public use."

Abdul Hamid revealed that up to July 26, there have been 3,081 dengue cases with 13 deaths.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 29 JULAI 2017 (SABTU)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	AKU GAGAH JUA!
Muka Surat	04

HM 09/7/17 ms 04

Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@hmetro.com.my

Ampang

"Saya tidak mempunyai pekerjaan lain. Dengan ha-nya cara ini (berniaga nasi lemak) dapat mencari wang bagi menambah pendapatan keluarga serta melunaskan pinjaman bank.

"Saya membuat pinjaman itu untuk berniaga barang kemas dalam talian, tetapi malangnya bisnes terbabit lingkup selepas semua ba-rangan jualan dicuri ketika rumah kami dipecah masuk tidak berapa lama dahulu," kata peniaga nasi lemak, Nur Ain Kadir, 30.

Kisah Nur Ain yang ber-niaga nasi lemak sam-bil menjaga tiga anaknya termasuk seorang yang berada dalam kandungan di tepi jalan berhampiran se-buah stesen minyak tular di laman so-sial.

Rata-rata pengguna laman sosial ka-gum dengan se-mangat dan kegi-gihan wanita berke-naan yang sanggup berpanas bersama anak kecil bagi mencari rezeki de-mi setiap nasi.

Menurut ibu kepada lima anak berusia setahun hinga 13 tahun itu, dia perlu mencari wang sendiri un-tuk melunaskan bayaran pinjaman setiap bulan dan tidak mahu menyusahkan suaminya. Mohd Faizal Tu-miran, 36, yang bekerja se-bagai pelayan di sebuah ho-tel di ibu kota.

Katanya, duit gaji suami-nya digunakan untuk me-nyara mereka tujuh beranak termasuk membayar sewa rumah dan semua bil bu-lanan.

"Memang sukar menjelas-kan pinjaman setiap bulan jika tidak mempunyai pen-dapatan lain.

"Meskipun terpaksa ber-panas atau ber-hujan, saya tiada pilihan dan ini (ber-niaga nasi lemak) adal-ah satu-satunya cara un-tuk mendapatkan wang bagi menjelaskan pinjaman ber-kekaan," katanya.

Nur Ain mengakui dia ter-paksa membawa tiga anak-nya yang masih kecil (ber-usia enam, tiga dan setahun) kerana tiada siapa dapat menjaga mereka di rumah.

Katanya, anak bongsunya, Nur Maizatul Shuhada juga masih menyusu badan dan tidak boleh berenang lama menyebabkan dia tiada pi-lihan selain ter-paksa meng-gendongnya sewaktu berniaga.

Menu-rutnya, dia hanya mula berniaga di lokasi ber-kekaan sele-pas Aidilfitri lalu dan sebelum itu berniaga di bazar larut malam, Rampai Bazaria.

"Untuk sesi pagi, saya mu-la berniaga nasi lemak jam 7 pagi dan pada sesi petang bermula sekitar jam 5 petang sehingga jualan habis."

"Alhamdulillah, se-lepas tular di laman sosial, jualan nasi lemak meningkat berkali ganda dan ia jauh berbeza dengan keadaan jualan sebetulm ini iaitu sekitar 100 ke 150 bungkus saja se-hari.

"Sambutan memang di luar dugaan, ada yang mem-beli kerana ingin membantu dan tidak kurang juga yang membeli kerana tertarik de-ngan keenakan sambal ikan bilis resipi rahsia keluarga kami," katanya.

Nur Ain berkata, sepanjang berniaga di lokasi terbabit, dia pernah mengalami pe-ngalaman menarik apabila seorang hamba Allah mem-beli sebungkus nasi lemak dan membayar RM200 ke-padanya.

"Ia adalah rezeki yang ti-dak diduga dan saya ber-terima kasih kepada pemuda berkenaan kerana sudi menghulurkan sedekah ke-pada kami sekeluarga," ka-tanya.

AKU GAGAH JUA!

Wanita bawa tiga anak kecil berniaga nasi lemak untuk lunas pinjaman bank

ORANG ramai beratur untuk membeli nasi lemak dijual Nur Ain selepas kisahnya tular di laman sosial. Gambar kecil, Nur Ain membawa bersama tiga anak kecil ketika berniaga.

FAKTA

Jualan nasi lemak meningkat berkali ganda berbanding sebelum ini iaitu sekitar 100 ke 150 bungkus sehari